



## **STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) KAUNTER PERKHIDMATAN WANG TAK DITUNTUT JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SELANGOR**

- 1) Waktu operasi kaunter perkhidmatan Wang Tak Dituntut (WTD) adalah pada pukul 8.30 pagi hingga 2.00 petang. Kecuali pada hari Jumaat waktu operasi adalah pada pukul 8.30 pagi hingga 1.00 petang.
- 2) Hanya pelanggan yang mempunyai urusan sahaja akan dibenarkan untuk masuk ke dalam ruangan menunggu kaunter perkhidmatan (premis) dan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun adalah tidak dibenarkan masuk.
- 3) Semua pelanggan perlu mematuhi penjarakan sosial 1 meter yang ditetapkan. Pelanggan yang beratur di luar premis perlu berdiri di atas penanda yang berada di lantai agar penjarakan sosial 1 meter sentiasa dapat dipatuhi.
- 4) Semua pelanggan diwajibkan untuk memakai penutup hidung dan mulut (*face mask*).
- 5) Semua pelanggan akan disaring suhu badan (tidak melebihi 37.5°C), perlu mencuci tangan menggunakan *hand sanitizer* yang dibekalkan dan diberikan nombor giliran sebelum dibenarkan masuk ke dalam premis.
- 6) Pelanggan yang didapati tidak sihat, mempunyai gejala jangkitan Covid-19 dan baru pulang dari luar negara kurang daripada 14 hari adalah tidak dibenarkan masuk ke dalam premis.
- 7) Jumlah maksimum 5 orang pelanggan sahaja dibenarkan di dalam premis pada satu-satu masa.
- 8) Perkhidmatan semakan WTD hanya dibenarkan untuk semakan oleh diri sendiri sahaja manakala semakan untuk ahli keluarga yang telah meninggal dunia adalah tidak dibenarkan. Sebagai alternatif semakan WTD juga boleh dibuat secara atas talian di laman web: <https://egumis.anm.gov.my/>
- 9) Penggunaan kiosk semakan WTD tidak dibenarkan.
- 10) Pembersihan dan disinfeksi premis akan dilakukan sekurang-kurangnya 3 kali sehari.